

## TPM peruntuk dana RM2 juta untuk TFF

Sinar Harian

26 Mei 2017 | Jumaat

### TPM peruntuk dana RM2 juta untuk TEF

TECHNOLOGY Park Malaysia (TPM) memperuntukkan RM2 juta pembiayaan mudah menerusi Dana Mudah Cara Usahawan Teknologi TPM (TEF) untuk tempoh dua tahun bagi membangunkan lebih ramai usahawan tempatan.

Naib Presiden Bahagian Pengurusan & Perkhidmatan Taman TPM, Shahazman Abu Samah berkata, pembiayaan itu disasar kepada usahawan baharu atau sedia ada yang berdaftar sebagai Sdn Bhd dan menggunakan perkhidmatan kejuruteraan serta pembangunan produk bioteknologi melalui anak syarikat TPM, TPM Engineering Sdn Bhd dan TPM Biotech Sdn Bhd.

"Syarikat itu mesti mempunyai sekurang-kurangnya lima pekerja, tidak mempunyai bayaran tertunggak dengan TPM atau anak syarikatnya dan menjana pulangan tahunan di bawah RM300,000.

"Sebanyak RM50,000 diperuntukkan kepada setiap



Shahazman (tengah) dan 'Azra'e (kanan) ketika sesi taklimat tentang TPM bersama media.

syarikat bagi bantu usahawan teknologi yang mempunyai potensi untuk berkembang. Dana ini tidak akan diberikan kepada syarikat, sebaliknya dibayar terus kepada anak syarikat TPM yang menguruskan pembangunan produk syarikat tersebut," katanya selepas sesi taklimat bersama media di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

TEF merupakan antara tiga inisiatif yang dilancarkan TPM pada Mac lalu, selain 'Stargazer Mentoring Programme' (Star EM) dan 'Strategic Playbook'.

Sementara itu, Pengurus Besar Inkubator & Perancangan Teknoprenur, Bahagian Pengurusan & Perkhidmatan Taman TPM, 'Azra'e Shu'ib berkata, pihaknya berbingang dengan beberapa agensi dana lain bagi mengembangkan inisiatif TEF pada masa akan datang.

Pada tahun lalu, katanya, sebanyak 435 syarikat dengan lapan daripadanya telah disenaraikan di bursa saham, menerima graduasi hasil daripada program inkubasi.

"Selain kemudahan dana dan khidmat pembuatan

produk, TPM turut menawarkan khidmat mentor dan bimbingan, menyediakan khidmat nasihat kewangan dan pemasaran, kemudahan pejabat serta bantuan mengkomersialkan produk.

"Walaupun syarikat itu telah sudah tamat program inkubasi, ia masih boleh terima insentif dari segi kemudahan sewa pejabat di TPM dengan kadar sewa lebih rendah atau ambil tanah TPM dan bina bangunan pejabat sendiri. Mereka juga boleh membuat pilihan untuk beroperasi di luar," katanya.

### KK Super Mart lancar kempen cabutan bertuah

KK Super Mart yang terkenal sebagai pasar raya mini 24 jam buat pertama kalinya akan menganjurkan Kempen Cabutan Bertuah Resit GST-KK.

Pengerusi Eksekutif KK Group, Datuk Dr KK Chai berkata, kempen itu merupakan salah satu usaha syarikat dalam menyokong usaha kerajaan melaksanakan sistem percukaian GST di samping memberi penghargaan kepada pelanggan.

"Dengan hanya memiliki resit dari cawangan KK Group, maka pelanggan layak menyertai Kempen Cabutan Bertuah Resit GST-KK.

"Ia sekali gus dapat mendisiplinkan pelanggan mendapatkan resit daripada setiap pembelian yang dilakukan di KK Group," katanya pada Majlis Pelancaran Kempen Cabutan Bertuah Resit GST-KK, semalam.

Majlis dirasmikan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainudin.

KK Chai berkata, kempen tersebut terbuka kepada semua pelanggan Malaysia berumur 18 tahun ke atas dan akan berlangsung selama setahun.

"Cabutan resit bertuah akan dilaksanakan mengikut empat peringkat yang tamat pada 31 Ogos dan 31 Disember depan. Sementara dua lagi cabutan akan dilakukan pada 31 Mac dan 30 Jun 2018.

"Lebih daripada RM350,000 jumlah hadiah disediakan termasuklah kenderaan Honda Jazz, Perodua Myvi, Vespa, iPad dan baucer tunai," katanya.